

26 DEC 2002

Shahrizat-Indonesia (Bergambar)

M'SIA-INDONESIA LAKSANA KERJASAMA PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia akan saling bekerjasama dalam menjayakan memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam hal ehwal wanita dan pembangunan keluarga yang ditandatangani di Bali 8 Ogos lepas.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hari ini berkata ia termasuk mengadakan kemudahan pertukaran pegawai dan pemimpin wanita dalam program yang memberi manfaat kepada wanita di kedua-dua negara.

Beliau berkata demikian pada sidang berita di pejabatnya di sini selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Indonesia, Sri Redjeki Sumaryoto S.H dan rombongannya yang sedang melawat Malaysia selama empat hari.

Menteri Indonesia itu diberi taklimat dan persembahan multimedia mengenai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan diikuti dengan mesyuarat dua hala.

"Kita bincang mengenai pemerksaan wanita. Kita bersetuju untuk memberi keutamaan kepada isu-isu seperti bagaimana hendak memastikan lebih banyak wanita diberi kedudukan pada peringkat pembuat keputusan atau memastikan mereka diberi peluang memainkan peranan lebih penting dalam proses membuat keputusan di kedua-dua negara," katanya.

Mereka turut membincangkan tindakan susulan terhadap MoU yang ditandatangani semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia pada Ogos lepas.

Mengenai isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, Shahrizat berkata Malaysia dan Indonesia mungkin akan melaksanakan kempen penerangan mengenainya secara bersama.

Pada sidang berita yang sama, Sri Redjeki berkata kedua-dua negara perlu berusaha meningkatkan peranan wanita dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu krisis yang berlaku di negara masing-masing.

"Kita ingin menempatkan wanita sebagai potensi yang kuat untuk kita menjadi jurudamai dan memberikan `kesejukan' kepada masyarakat.

"Kita tahu dalam era globalisasi ini, pertentangan dan persaingan menyebabkan berlakunya keretakan tidak hanya antara masyarakat tetapi juga kepada bangsa," katanya.

Sri Redjeki berkata tujuan beliau ke Malaysia bukan sahaja sebagai susulan kepada MoU yang telah ditandatangani itu tetapi juga untuk melihat dengan lebih dekat kemajuan yang telah dicapai oleh wanita Malaysia.

Sepanjang berada di Malaysia, rombongan itu akan melawat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kecemasan Hospital Kuala Lumpur dan Kompleks Kraf.

-- BERNAMA

FA MAM NMO